

'Tolong tangguh projek ROL'

ASYRAF MUHAMMAD

KEPONG – Penduduk rumah setinggan berhampiran Sungai Keroh berharap agar Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat mempertimbangkan untuk menangguhkan projek pembinaan River of Life (ROL) yang bakal dilaksanakan di kawasan berkenaan tidak lama lagi.

Difahamkan, pada 28 Ogos lalu, penduduk telah menerima notis agar rumah di kawasan berkenaan dirobohkan bagi membolehkan projek ROL berjalan.

Menurut salah seorang penghuni di rumah setinggan terbabit, Lim Kon Son, 65, berkata, rumah setinggan diarah roboh sebelum 10 September dan tempoh tersebut dilihat amat singkat.

"Kami penduduk di sini tak sempat nak pindah kerana tempoh diberi amat singkat," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurut Kon Son, penduduk berharap projek ROL ditangguhkan sehingga akhir tahun ini memandangkan terdapat 48 rumah setinggan terlibat dengan salah sebuah projek perumahan swasta berhampiran kawasan itu sebelum ini.

Katanya, projek perumahan swasta itu sedang menjalani proses pembinaan dan pihak pemaju juga memaklumkan bahawa rumah tersebut akan siap dibina akhir tahun ini.

"Penduduk akan pindah bila rumah itu siap. Kami harap projek ROL ditangguhkan buat sementara waktu bagi memberi laluan kepada pembinaan rumah berkenaan," katanya yang mengakui mereka tidak diberi masa yang cukup untuk mencari rumah sementara.

Tambahnya, penduduk juga terpaksa mengeluarkan kos yang besar untuk berpindah dan ia amat membebankan.

ROBOH
10.9.12

Rumah penduduk yang telah ditanda dan bakal dirobohkan tidak lama lagi bagi menjalankan projek ROL.

Penduduk setinggan Sungai Keroh rayu notis roboh rumah dilanjut



KON SON



POH PING

Mohon lanjut hingga akhir tahun

Sementara itu, Ketua Pusat Perkhidmatan Komuniti Kepong, Yee Poh Ping berkata, pihaknya berharap permasalahan tersebut mendapat perhatian badan berwajib dalam usaha membantu penduduk.

Menurut Poh Ping, berikutan aduan yang diterima, pihaknya telah memanjangkan hal ini kepada pihak bertanggungjawab bagi membolehkan tempoh notis berkenaan dilanjutkan sehingga akhir tahun.

"Saya telah hantar surat kepada beberapa badan bertanggungjawab pada 2 Ogos lalu bagi membolehkan projek ROL ini ditangguhkan buat sementara waktu sementara projek pe-



Sungai Keroh akan menjalani penambahbaikan bagi menjalankan projek ROL di kawasan tersebut

rumahan swasta berhampiran kawasan itu siap akhir tahun ini," katanya.

Menurut Poh Ping, sehingga kini, pihaknya masih menanti maklum balas daripada pihak berkenaan berhubung penangguhan projek tersebut.

Jelasnya, pihak bertanggungjawab sepatutnya lebih bertimbang rasa kerana kebanyakannya penduduk terdiri daripada mereka yang kurang berkemampuan dan tindakan merobohkan kediaman dilihat akan memberi kesan buruk kepada mereka.



Rumah setinggan berhampiran Sungai Keroh akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembinaan projek ROL.



Penduduk rumah setinggan berkenaan dijangka akan berpindah ke perumahan swasta yang dijangka siap akhir tahun ini.